



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	17/4/2019	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

JENAYAH

2 warga Vietnam seludup hidupan liar ditahan

Putrajaya: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) menumpaskan sindiket penyeludupan hidupan liar sulusan tangkapan dua pemburu haram warga Vietnam dan rampasan bernilai kira-kira RM600,000, kelmarin.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata dua lelaki berkenaan masing-masing berusia 25 dan 29 tahun ditangkap dalam serbuan di Hulu Sungai Tersat, Taman Negara, Terengganu kira-kira jam 6.45 pagi kelmarin oleh pasukan taktikal khas PERHILITAN.

“Dalam serbuan berkenaan, antara barang kes ditemui bersama suspek dan disita termasuk beberapa anggota hidupan liar disyaki spesies harimau belang dan kumbang (kuku dan taring), beruang matahari (hempe-du, taring dan kuku) dan babi hutan (taring).

“Turut dirampas, peralatan memburu, termasuk je-

rat dawai, parang, lembing, kapal dan pelarik kayu selain pasport dan telefon bimbit suspek.

“Mereka dipercayai sudah lebih empat bulan tinggal dalam hutan di Taman Negara berkenaan berdasarkan rekod dokumen perjalanan memasuki negara ini sejak Disember tahun lalu.

Ceroboh Taman Negara

“Kedua-dua suspek direman tiga hari bermula hari ini (semalam) bagi membantu siasatan mengikut Enakmen Taman Negara Terengganu Nombor 39 kerana mence-robah Taman Negara dan di-siasat kerana memburu dan menyimpan hidupan liar tanpa kebenaran PERHILITAN mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

“Mereka turut disiasat mengikut Seksyen 29 Akta 716 kerana memiliki jerat,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Xavier berkata, PERHILI-

TAN turut menjalankan ujian Asid Deosiribonukleik (DNA) terhadap semua barang kes untuk mengesahkan spesies hidupan liar terbabit.

Katanya, ujian forensik yang dijangka mengambil masa tiga hari akan dijalankan di Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan milik PERHILITAN.

“Modus operandi pemburu haram ini adalah menggunakan jerat dawai dipasang di laluan hidupan liar.

“Kita percaya ada dua lagi ahli dalam sindiket ini yang masih bebas tetapi belum dapat dipastikan mereka masih tinggal dalam hutan atau sudah keluar,” katanya.

Beliau menolak kemungkinan pembabitan rakyat tempatan dalam sindiket itu berdasarkan situasi suspek yang hanya boleh bertutur dalam bahasa Vietnam.

Katanya, PERHILITAN turut melakukan siasatan lanjut terhadap rekod panggilan telefon suspek bagi mengesan bukti terkini.